

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : MUKA DEPAN
RUANGAN : MUKA DEPAN

Tidak diserap ke dalam jawatan tetap punca ramai doktor berhijrah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ramai kakitangan perubatan, terutama doktor, berhijrah ke luar negara kerana berasa 'dianaktirikan' di negara sendiri, terutama tidak diserapkan ke dalam jawatan tetap.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Muruga Raj Rajathurai, berkata daripada kese-

luruhan graduan perubatan yang berkhidmat secara kontrak, tidak sampai 40 peratus diserap ke jawatan tetap.

"Selebihnya perlu mencari peluang di perkhidmatan swasta yang juga sangat kompetitif. Jadi, mereka juga mahukan jaminan laluan kerjaya kerana sudah terlalu lama menyertai sektor perubatan.

"Kita kena sediakan laluan kerjaya yang jelas untuk mereka, me-

megang jawatan lebih tinggi sama ada menjadi pakar, penyelidik mahu pun pensyarah," katanya.

"Kita ada banyak bakat, kenapa boleh berjaya dan maju di luar negara? Kita harus kaji dan belajar perkara itu sebab bukan semua bakat lari kerana duit semata-mata, ada banyak faktor lain," katanya kepada BH.

Nasional 6

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kementerian
siap siaga
hadapi
peningkatan
kes COVID-19

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus meningkatkan kesiapsiagaan dan maklum balas bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes dan kematian akibat COVID-19.

KKM mengambil maklum situasi jangkitan COVID-19, malah melalui data semasa dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mendapati secara keseluruhannya trend kejadian pandemik berada dalam keadaan terkawal di kebanyakan negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata WHO melalui sidang media pada 21 Disember lalu juga yakin, bahawa kini situasi terbahit adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

"Sungguhpun begitu, pada sidang media sama, WHO turut menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan semasa di China, mengenai peningkatan mendadak kes COVID-19.

"Golongan pakar dan penyelidik pada peringkat antarabangsa menjangkakan situasi ini akan berlaku susulan keputusan pihak berkuasa negara China sekitar awal bulan ini untuk melaksanakan kelonggaran terhadap dasar pengurusan pandemik COVID-19 mereka yang ketat.

"Malaysia diumumkan memasuki fasa peralihan ke endemik bermula 1 April lalu ketika negara masih diwartakan sebagai kawasan tempatan jangkitan. Sempadan negara dibuka kepada pelancong serta aktiviti industri pelancongan dan sektor ekonomi lain dipertingkatkan.

"Justeru, dengan mengambil kira Malaysia mempunyai risiko kemasukan kes COVID-19 dari luar negara, KKM terus mempertingkatkan kesiapsiagaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes dan kematian COVID-19 seperti yang pernah dialami ketika varian Delta melanda seluruh dunia," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, antara langkah dilaksanakan negara adalah meningkatkan peraturan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian.

"Malaysia juga mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan dengan menambah baik pengurusan melalui pendekatan FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support) yang diautomasi-kan," katanya.

KKM digesa selesai segera isu perjawatan

Langkah tubuh
Suruhanjaya
Kesihatan mampu
atasi kekurangan
tenaga kerja

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) digesa segera menyelesaikan isu perjawatan membabitkan kakitangan perubatan, termasuk doktor.

Gesaan itu dibuat bagi menyelesaikan pelbagai isu berbangkit yang membayangi laluan kerjaya itu, antaranya bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital kerajaan di seluruh negara.

Jurucakap Gerakan Hartal Doktor, Dr Muhammad Yassin, berkata punca utama bagi isu berbangkit adalah kekurangan kakitangan perubatan, terutama doktor.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, juga perlu segera merealisasikan manifesto Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berhubung penubuhan

Suruhanjaya Kesihatan.

"Isu perjawatan kakitangan yang kini di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan dapat diselesaikan segera menerusi penubuhan suruhanjaya berkenaan.

"Masalah kekurangan doktor ini perlu ditangani segera bagi mengelak isu berlanjutan bagi suatu tempoh panjang.

"KKM juga perlu mengambil kira beberapa faktor hiliran yang mendorong isu ini semakin parah, antaranya perpindahan tenaga mahir ke luar negara," katanya kepada BH.

Ambil ramai tenaga kerja

Terdahulu, Gerakan Hartal Doktor menerusi ciapannya di Twitter menegaskan, tiada keperluan untuk mengkaji semula punca isu bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital kerajaan di seluruh negara.

Gerakan itu menegaskan, isu berkenaan berpunca akibat kekurangan kakitangan perubatan, selain menjelaskan penyelesaian bagi permasalahan itu adalah dengan pengambilan lebih ramai tenaga kerja.

"(Pengambilan) lebih ramai kakitangan, disusuli pertambahan tenaga kerja. Selain itu, kekalkan mereka yang masih bekerja, sambil membuka lebih banyak perjawatan.

KKM rangka pelan atasi beban tugas

Keratan akhbar BH, semalam.



Kekurangan doktor perlu diatasi bagi mengelak isu berlanjutan. (Foto hiasan)

"Jika tidak, memang kajilah sampai Abang Jamil LO (seheing tiada kesudahan)," katanya.

Kelmarin, Dr Zaliha dilaporkan meneliti semua data terkini, melaksana audit dan penyelidikan berkaitan bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara, khususnya di hospital pakar.

Beliau menerusi kenyataan menjelaskan, KKM sudah mula merangka pelan dan rancangan bagi menyelesaikan isu kesesakan di jabatan terbahit serta memastikan kakitangan terbahit

kekai memberikan perkhidmatan yang cekap.

Kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma berlaku semula selepas situasi COVID-19 dilihat kian reda dan pesakit bukan kes COVID-19 juga memenuhi hospital awam.

Situasi kesesakan itu turut dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018, yang dikeluarkan pada 24 Jun 2019, dengan peruntukan tidak mencukupi, kekurangan anggota kesihatan dan fasiliti bagi menampung keperluan pesakit dikenal pasti sebagai punca.

Labur bangunkan bakat, modal insan

Dari Muka 1

Bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaysia (UM), Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, sebelum ini mendedahkan Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari Universiti Malaysia setiap tahun memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebaik monamatkan pengajian.

Adeeba menyifatkan tindakan itu dilihat satu 'kerugian' besar kepada institusi pendidikan tempatan kerana kos melatih setiap pelajar perubatan dianggarkan bernilai kira-kira RM1 juta.

Mengulas pendedahan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata kerajaan mesti terus berusaha menambah baik sistem sedia ada dan mengurangkan kesan penghijrahan tenaga mahir tempatan ke luar negara.

Beliau berkata, penambahbaikan itu, bagaimanapun tidak

akan menghalang golongan terbahit daripada berhijrah dan bekerja di tempat lain.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyelesaikan isu penghijrahan pegawai perubatan ke luar negara menerusi pelbagai perkongsian yang dikemukakan dan diterima pelbagai pihak berkepentingan, menerusi pelan Strategi Sumber Manusia Untuk Kesihatan (HRH).

Beliau berkata, Kementerian menyedari isu berkenaan yang berlarutan lama dan HRH yang dimulakan oleh menteri kesihatan sebelumnya mencadangkan penyelesaian dalam pelbagai domain pengambilan doktor, meningkatkan kualiti latihan mereka dengan laluan kerjaya lebih jelas.

Selain itu, katanya, HRH juga

memumpunkan kepada peningkatan kebajikan dan situasi kerja pegawai perubatan serta pengagihan yang lebih adil di seluruh negara.

"Kertas Putih Kesihatan, yang sedang dalam proses pembangunan, akan meneliti penubuhan Suruhanjaya Kesihatan yang akan bertanggungjawab untuk beberapa isu, termasuk pembangunan perkhidmatan perubatan kesihatan," katanya.

Dr Muruga Raj, berkata untuk bersaing dan menjadi maju, negara perlu melabur dalam pembangunan bakat dan modal insan untuk hasil jangka panjang. Beliau berkata, keadaan perkhidmatan pekerjaan yang konfus dan seimbang juga perlu diberi perhatian.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ketika ini, banyak persekitaran

kerja yang 'toksik' dan beban kerja yang bertambah, mengancam kakitangan sektor perubatan untuk maju dalam kerjaya.

"Mereka juga ada keluarga, ada kehidupan peribadi. Jadi, bagaimana nak seimbangkan waktu kerja dan masa bersama keluarga, itu satu perkara yang penting perlu diberi penekanan dalam sektor ini," katanya.

Beliau berkata, MMA yakin Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan dalam Kerajaan Perpaduan boleh melaksanakan reformasi sektor perubatan terutama dalam soal membangunkan modal insan itu.

Katanya, langkah itu sangat kritikal, apatah lagi Malaysia kini menuju negara tua.

"Kena sediakan modal insan yang mencukupi. Ia perlu dijadikan dasar penting yang harus mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI), yang menentukan berapa keperluan dalam negara, selain disokong dengan belanjawan, semua ini harus dibuat," katanya.



Dr Muruga Raj Rajathurai

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : LOKAL

Oleh Sri Ayu Kartika
 Amri
 kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) memohon pertimbangan semua pihak supaya tidak melabel restoran mamak sebagai pengotor berikutan video tular di media sosial memaparkan tikus menjamah ayam goreng di sebuah restoran di Pandan Indah di sini, Jumaat lalu.

Presidennya Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, kejadian yang berlaku seperti yang tular di media sosial itu adalah kes terpercik dan di luar kawalan pengusaha restoran mamak terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya akur dengan tindakan yang diambil pihak berkuasa terhadap pengusaha restoran mamak terbabit yang didapati beroperasi dalam keadaan kotor.

"Sudah menjadi amanah semua ahli Presma untuk memastikan kebersihan premis, dapur serta persekitaran dalam usaha menyediakan suasana yang selesa kepada pelanggan.

"Presma mengalu-alukan aduan daripada pelanggan untuk memastikan segala etika perniagaan dipatuhi dari semasa ke semasa," katanya dalam

ISU TIKUS MAKAN AYAM GORENG

'Bukan semua premis kotor'

Batal lesen serta-merta



tindakan penutupan mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan arahan penutupan selama 14 hari sudah dikeluarkan terhadap premis berkenaan.

Kelmarin, Majlis Perbandaran Ampang Jaya Notis turut mengeluarkan Pengesahan Pembatalan Lesen (NPPL) yang berkuat kuasa serta-merta ke atas premis itu.

LAPORAN Harian Metro, semalam

kenyataannya, semalam.

Selaku presiden, beliau turut memberi jaminan untuk memastikan isu sebegini tidak berlaku lagi sehingga mengundang persepsi negatif pelanggan yang selama ini menyokong restoran Muslim di negara ini.

Terdahulu, satu video berdurasi 17 saat menunjukkan tikus menjamah ayam goreng di premis berkenaan tular di media sosial selepas dimuat naik di Twitter sejak Jumaat lalu.

Kementerian Kesihatan dalam kenyataan sebelum ini memaklumkan

"Sudah menjadi amanah ahli Presma pastikan kebersihan premis Jawahar"



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

KKM pertingkat siap siaga kemungkinan peningkatan kes Covid-19

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) terus mempertingkatkan kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan peningkatan kes dan kematian akibat Covid-19 susulan peningkatan mendadak penyakit itu yang dilaporkan di China ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam berkata, antara langkah diambil meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan dan kematian.

"KKM menggesa semua

individu yang layak, tampil mendapatkan vaksin dos penggalak supaya populasi Malaysia mendapat perlindungan optimum terhadap penyakit Covid-19," katanya dalam kenyataan itu.

Peningkatan penyakit itu sebelum ini dinyatakan pada sidang media oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 21 Disember lalu dan kebimbangan itu berikutan Malaysia sudah membuka sempadan kepada pelancong dari luar negara, sekali gus meningkatkan aktiviti industri pelancongan dan sektor ekonomi lain.

KKM juga akan mengu-

kuhan pengurusan Covid-19 menerusi pendigitalan pengurusan kesihatan dengan menambah baik pendekatan *Find, Test, Trace, Isolate, and Support* (FTTIS) yang diautomasikan.

Melalui pendekatan itu, individu menjalani ujian pengesanan Covid-19 sendiri boleh melaporkan keputusan ujian ke aplikasi MySejahtera selain melakukan ujian di fasiliti kesihatan dan keputusan ujian akan dikemas kini dalam aplikasi terbabit dengan kes positif diberikan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan dan Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pe-

merhatian secara digital.

Selain itu, KKM juga akan memastikan semua Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bersedia menerima kedatangan pesakit yang tinggi untuk membuat penilaian terhadap pesakit positif dengan fungsi pengoperasian CAC meliputi mengenal pasti pesakit memenuhi kriteria di-pantau di rumah serta menilai dan memantau perkembangan pesakit sepanjang tempoh pengasingan.

Seterusnya, CAC juga memulakan rawatan *Paxlovid* (*nirmatrelevir* atau *ritonavir*) kepada kumpulan pesakit Covid-19 berisiko tinggi, mengenal pasti dan menye-

laras pesakit perlu dirujuk ke hospital serta membuat penilaian dan pelepasan kepada kes positif sudah tamat tempoh pengasingan.

Dr Noor Hisham berkata, KKM sudah memperkenalkan penggunaan ubat antiviral *Paxlovid* ke Covid-19 *Clinical Care Pathway* sejak 15 April untuk merawat pesakit mengalami gejala ringan hingga sederhana atau kategori dua dan tiga dengan mengutamakan pesakit berisiko tinggi.

Penggunaan ubat dan rawatan itu sudah diperluaskan ke fasiliti kesihatan swasta dan diberikan kepada pesakit secara perc-

ma namun masih tertakluk kepada caj perkhidmatan rundingan berkaitan.

Menurut beliau, KKM akan memantau dengan rapi penularan jangkitan itu dalam masyarakat menerusi pelaksanaan aktiviti surveilans membabitkan lokasi sentinel penyakit seperti Influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di seluruh negara.

"Ia disokong dengan aktiviti penjujukan genom menyeluruh (WGS) bagi mengesan varian baharu serta aktiviti surveilans persekitaran melalui persampelan air kumbahan dari lokasi persampelan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Kebimbangan lonjakan wabak Covid-19 di China

6 langkah KKM kekang peningkatan

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR

PUTRAJAYA — Kementerian Kesihatan (KKM) menggariskan enam langkah bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan peningkatan kes Covid-19 susulan kebimbangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terhadap perkembangan semasa di China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, langkah-langkah yang digariskan adalah sama seperti yang pernah dialami semasa varian Delta melanda seluruh dunia termasuk Malaysia.

Langkah pertama ujar beliau, adalah meningkatkan peratusan individu layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan, jangkitan serius serta kematian diikuti mengukuhkan pengurusan Covid-19 melalui penambahbaikan pendekatan FTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support) yang diautomasikan menerusi aplikasi MySejahtera.

"Bagi langkah ketiga, semua Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) yang beroperasi secara fizikal akan bersedia menerima kedatangan atau panggilan pesakit yang tinggi untuk membuat pe-



ORANG ramai masih mengenakan pelitup muka ketika berada di tempat awam serta luar rumah walaupun sudah tidak diwajibkan lagi. — GAMBAR HIASAN

nilaian terhadap pesakit yang disahkan positif Covid-19," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, langkah keempat pula adalah dengan menggunakan ubat antiviral Paxlovid (nirmatrelvir/ritonavir) yang diperkenalkan melalui Covid-19 Clinical Care Pathway pada 15 April lalu.

"Langkah kelima, pihak KKM akan memantau rapi penularan jangkitan Covid-19 dalam masyarakat melalui pelaksanaan

aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel influenza-like illness (ILI) dan severe acute respiratory infection (SARI) di seluruh negara.

"Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom me-

nyeluruh bagi mengesan varian baharu serta aktiviti surveilans persekitaran melalui persampelan air kumbahan dari lokasi persampelan yang dikenal pasti di seluruh negara," ujarnya.

Tambah Dr. Noor Hisham, langkah keenam adalah inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu memperkasa kawalan sendiri kesihatan merangkumi pemerkasaan individu dalam mengambil tindakan pencegahan penyakit, menilai status kesihatan diri, memastikan kepatuhan rawatan dan mengamalkan norma baharu.

Mengulas mengenai fungsi CAC, ujarnya, ia bagi mengenal pasti pesakit yang memenuhi kriteria untuk dipantau di rumah serta menilai dan memantau perkembangan pesakit sepanjang tempoh pengasingan.

"Ia memulakan rawatan Paxlovid kepada kumpulan pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi dan memenuhi kriteria yang ditetapkan serta mengenal pasti dan menyelaras pesakit yang perlu dirujuk ke hospital," katanya.

Terdahulu, media melaporkan pegawai dan pakar kesihatan global cemas melihat Covid-19 melonjak ketara dalam kalangan 1.4 bilion penduduk China.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA



SALAH sebuah premis membuat makanan yang kotor dan diarahkan tutup. – GAMBAR HIASAN

Kerajaan negeri tidak akan kompromi premis kotor

Kedai kotor wajib tutup 14 hari – MB

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Kerajaan negeri tidak akan berkompromi terhadap perintah tutup selama 14 hari ke atas restoran atau kedai makanan yang didapati kotor.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India, A. Sivanesan berkata, premis makanan yang diambil tindakan di bawah Akta Makanan 1983 perlu menghabiskan tempoh penutupan itu sehingga diperiksa semula oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

Katanya, tindakan tegas itu diambil bagi memberi pengajaran terhadap premis yang mengabaikan aspek kebersihan sekaligus memastikan kejadian sama tidak berulang.

"Sebelum ini, kita beri notis tutup 14 hari kerana kotor, namun dalam jangka masa dua hari, mereka ini (kedai) buka semula setelah pemeriksaan semula dibuat oleh pegawai kesihatan.

"Bagaimana kedai yang tidak dicuci bertahun-tahun boleh bersih dalam masa tiga hari selepas diberi notis? Kita tidak mahu ini (berulang). Kalau diarah tutup 14 hari, maka hari ke 13 atau ke 14 barulah kita buat pemeriksaan semula," katanya dalam sidang akhbar pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

Menurut beliau, pegawai daripada JKN Perak diminta memantau keadaan itu bagi memastikan setiap premis patuh kepada tindakan yang dikenakan.

"Saya beri amaran kepada

pengusaha restoran di Perak khasnya restoran 24 jam, jika tidak boleh jaga kebersihan biar apa alasan yang diberikan, kebisaannya tidak cukup pekerja tapi boleh buka 24 jam?" katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain beliau berkata, bagi memastikan kualiti makanan yang dijual di kafe-kafe hospital di negeri ini, satu kajian akan dijalankan membabitkan lima buah hospital.

Katanya, hospital terlibat ialah Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Hospital Taiping, Hospital Manjung, Hospital Teluk Intan dan Hospital Batu Gajah.

"Kita akan buat 'study case' di lima hospital ini dahulu," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Susulan peningkatan mendadak penyakit itu di China ketika ini

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus mempertingkatkan kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan peningkatan kes dan kematian akibat Covid-19 susulan peningkatan mendadak penyakit itu yang dilaporkan di China ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan pada Selasa berkata, antara langkah akan diambil ialah meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan dan kematian.

"KKM menggesa agar semua individu yang layak, tampil untuk mendapatkan vaksin dos penggalak supaya populasi Malaysia mendapat perlindungan optimum terhadap penyakit Covid-19," katanya.

Peningkatan penyakit berkenaan sebelum ini dinyatakan pada sidang akhbar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 21 Disember lepas dan kebimbangan tersebut ber-

ikutan Malaysia telah membuka sempadan kepada pelancong dari luar negara sekali gus meningkatkan aktiviti industri pelancongan dan sektor ekonomi lain.

KKM juga akan mengukuhkan pengurusan Covid-19 menerusi pendigitalan pengurusan kesihatan dengan menambah baik pendekatan *Find, Test, Trace, Isolate, and Support* (FTTIS) yang diautomasikan.

Melalui pendekatan itu, individu yang menjalani ujian pengesanan Covid-19 sendiri boleh melaporkan keputusan ujian ke aplikasi MySejahtera selain melakukan ujian di fasiliti kesihatan, dan keputusan ujian akan dikemas kini dalam aplikasi tersebut dengan kes positif diberikan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan dan Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan secara digital.

Selain itu, KKM juga akan



DR NOOR HISHAM

memastikan semua Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bersedia menerima kedatangan pesakit yang tinggi untuk membuat penilaian terhadap pesakit positif dengan fungsi pengoperasian CAC melalui mengenal pasti pesakit memenuhi kriteria untuk dipantau di rumah serta menilai dan memantau perkembangan pesakit sepanjang tempoh pengasingan.

Jelas Dr Noor Hisham, KKM juga telah memperkenalkan penggunaan ubat antiviral paxlovid ke Covid-19 Clinical Care Pathway sejak 15 April lepas untuk merawat pesakit mengalami gejala ringan hingga sederhana atau kategori dua dan tiga dengan mengutamakan pesakit berisiko tinggi.

Menurutnya, KKM akan memantau dengan rapi penularan jangkitan itu dalam masyarakat menerusi pelaksanaan aktiviti



KKM menggesa agar semua individu yang layak, tampil untuk mendapatkan vaksin dos penggalak.

survelan melibatkan lokasi sentinel penyakit seperti influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di seluruh negara.

"Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom menyeluruh (WGS) bagi mengesan varian baharu serta aktiviti surveilans persekitaran melalui persampelan air kumbahan dari lokasi persampelan yang dikenal pasti di seluruh negara," ujarnya.

Tambahnya, KKM juga telah menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) untuk memperkasa kawalan sendiri kesihatan merangkumi pelaksanaan individu dalam mengambil tindakan pencegahan penyakit, menilai status kesihatan diri, memastikan kepatuhan rawatan dan mengamalkan norma baharu serta pemakaian pelitup muka. - Bernama

Covid-19: KKM pertingkat kesiapsiagaannya

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

Klinik Desa Batu 8 ditutup selepas 25 tahun beroperasi



Perkhidmatan Klinik Desa Batu 8, Kampar dipindahkan ke Klinik Kesihatan Tanjung Tualang.

IPOH - Klinik Desa Batu 8, Tanjung Tualang, Kampar yang beroperasi sejak 25 tahun lalu akan melabuhkan tirainya secara rasmi mulai Januari 2023 disebabkan jumlah kehadiran pesakit yang rendah.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India, A Sivanesan berkata, permohonan penutupan tersebut dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak kepada Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, penutupan tersebut dipersetujui Kementerian Kesihatan setelah menimbang alasan yang dikemukakan pihak JKN Perak.

Antaranya kata beliau, purata kedatangan pesakit harian dan liputan populasi yang rendah



SIVANESAN

iaitu tiga hingga empat orang sehari.

"Perkhidmatan kesihatan Klinik Desa Batu 8 ini akan dipindahkan ke fasiliti kesihatan berdekatan iaitu di Klinik Kesihatan Tanjung Tualang.

"Bangunan Klinik Desa Batu 8 sedia ada akan digunakan bagi tujuan penempatan perkhidmatan Pasukan Kesihatan Sekolah Klinik Kesihatan Tanjung Tualang memandangkan lokasi berhampiran dengan sekolah yang dilawati," katanya ketika sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Selasa.

Sivanesan berkata, permohonan penutupan klinik desa berkenaan telah mendapat persetujuan daripada ketua masyarakat dan penduduk setempat.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

REACTION TO SITUATION IN CHINA

MINISTRY BRACES FOR POSSIBLE COVID SURGE

Measures include encouraging booster uptake, ramping up CAC capacity, says Health D-G

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry is stepping up preparations for a possible hike in the number of daily Covid-19 cases and deaths following the surge of infections in China.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said among the measures to be taken was increasing the percentage of vaccine booster dose uptake to reduce the severity of infections

and the risk of death.

"The ministry is urging all eligible individuals to take their booster dose of the Covid-19 vaccine so that the population gets optimal protection against the virus," he said yesterday.

On Dec 21, the World Health Organisation reported that the number of Covid-19 cases was increasing in China.

Dr Noor Hisham said the ministry would strengthen the country's Covid-19 management through the digitisation of health management by improving the automated FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate, and Support) approach.

Through this, people who con-

duct Covid-19 self-tests can report their results to the MySejahtera application. Through this approach, positive cases will be issued a home surveillance order and release order digitally.

In addition, Dr Noor Hisham said the ministry would ensure that all Covid-19 Assessment Centres (CAC) were ready to screen a large number of people.

The CAC identifies people who are suitable for undergoing home quarantine, as well as evaluating and monitoring an infected person's progress throughout the isolation period.

He said CACs would start prescribing high-risk Covid-19 patients with the Paxlovid (nirma-



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah



A health worker taking a swab sample from a woman at a Covid-19 Assessment Centre (CAC) in Butterworth. The Health Ministry will ensure CACs are ready to screen a large number of people. FILE PIC

trelovir or ritonavir) antiviral drug, identify and coordinate patients who need to be referred to hospital, as well as assess and discharge positive cases whose isolation period had expired.

Dr Noor Hisham said the ministry had introduced the use of Paxlovid to the Covid-19 Clinical Care Pathway since April 15 to treat patients with mild to moderate symptoms, or Categories two and three, with priority given to high-risk patients.

He said private healthcare facilities would also prescribe the drug for free.

However, patients were still subject to consultation charges of the private health facility.

Dr Noor Hisham said the ministry would monitor the spread of the infection in the community through sentinel locations of influenza-like-illness and severe acute respiratory infections.

"It is also supported by whole genome sequencing to detect new variants, as well as environmental surveillance through sewage water sampling from identified locations throughout the country."

He advised the public to practice a healthy lifestyle and TRIIS (Test, Report, Inform, Isolate, Seek) to prevent the spread of the virus and other diseases, in addition to wearing face masks in crowded areas. **Bernama**

BESUT AND DUNGUN HEALTH FACILITIES

6 Terengganu rural clinics still closed due to floods

KUALA TERENGGANU: Six rural clinics in Terengganu are still closed due to floods, which hit the state on Dec 18.

State Health director Datuk Dr Kasamani Embong said the five rural clinics in Besut and one in Dungun were damaged and needed to be repaired.

She said operations of the clinics had been moved to a nearby facility so that patient treatment and care could continue.

"In Besut, the affected rural clinics are in Alor Keladi, Tembila, Felda Tenang, Alor Lintah, and Bukit Payung. In Dungun, it is the Kuala Jengal rural clinic."

"The Tembila, Felda Tenang, Alor Lintah, and Bukit Payung rural clinics will reopen on Jan 1, and the Keladi and Kuala Jengal rural clinics will reopen at a date to be announced," she said yesterday.

Dr Kasamani said no outbreaks of infectious diseases were reported in all of the state's 315 flood shelters.

She said the department had taken measures to prevent the spread of infectious diseases and had conducted vector control at



The flood at the Alor Lintah rural clinic in Besut yesterday. PIC TAKEN FROM BESUT DISTRICT HEALTH OFFICE'S FACEBOOK PAGE

the shelters and flooded areas.

"On vector control response, 3,788 buildings have been inspected and only one building was identified as a mosquito breeding ground.

"No cockroaches, flies or rats were found on these premises. Rubbish disposal was well managed by the local community."

She advised the public not to eat and drink from uncooked

sources to avoid diseases.

"Parents must ensure that children do not play in floodwater as it is feared to be contaminated and pose the risk of infectious diseases, such as cholera, ty-

phoid and leptospirosis.

"If you experience symptoms, such as abdominal pain, nausea, headache or fever, you should immediately visit the nearest health facility for treatment." **Bernama**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

MOH steps up Covid-19 awareness

DG: Country must be ready to face possible surge following hike in cases in China

KUALA LUMPUR: Preparation to face a possible hike in the number of daily Covid-19 cases following the surge in infections in China will be stepped up, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Among the measures to be taken was to increase the percentage of booster dose uptake to reduce the severity of infections and the risk of death, he said.

"MOH (Health Ministry) is urging all eligible individuals to take their booster dose of the Covid-19 vaccine so that the Malaysian population gets optimal protection against Covid-19," Bernama quoted him in a statement.

The rising number of Covid-19 cases in China was reported by the World Health Organisation (WHO) on Dec 21.

The MOH will also strengthen the country's Covid-19 management through the digitisation of health management by improving the automated Find, Test, Trace, Isolate, and Support (FTTIS) approach.

Through the approach, individuals who conduct Covid-19 self-tests can report their test results to the MySejahtera application where positive cases will be given a home surveillance order and release order digitally.

In addition, Dr Noor Hisham said the ministry would also ensure that

all Covid-19 Assessment Centres (CAC) were ready to receive a high number of patients.

The CAC's operational functions include identifying patients who are suitable for home quarantine, as well as evaluating and monitoring a patient's progress throughout the isolation period.

The CAC will also start Paxlovid (nirmatrelvir or ritonavir) treatment for high-risk patients, identify and coordinate patients who need to be referred to the hospital as well as assess and discharge positive cases whose isolation period has expired.

Dr Noor Hisham said the MOH had also introduced the use of the antiviral drug Paxlovid to the Covid-

19 Clinical Care Pathway since April 15 to treat patients with mild to moderate symptoms or categories two and three with priority given to high-risk patients.

The use of such drugs and treatments has also been extended to private health facilities where the provision of the drug to patients is free. However, patients are still subject to consultation charges determined by the private health facility.

He said the ministry would closely monitor the spread of the infection in the community through the implementation of surveillance activities involving sentinel locations of influenza-like-illness (ILI) and severe acute respiratory infec-

tion (SARI) nationwide.

"It is also supported by whole genome sequencing (WGS) activities to detect new variants as well as environmental surveillance through sewage water sampling from identified locations throughout the country," he said.

He also advised the public to practice a healthy lifestyle and TRIS (Test, Report, Isolate, Inform, Seek) to prevent the spread of Covid-19 and other diseases, in addition to wearing face masks in crowded areas.

Watch the video
TheStarTV.com



New chapter as Malaysia eases its Covid-19 curbs

**2022
YEARENDER**

KUALA LUMPUR: Many have described the year 2022 as a new chapter for Malaysia when the country entered the transition to the Covid-19 endemic phase on April 1 after battling the virus outbreak for two years.

Like many other countries, Malaysia decided to ease its restriction measures on Covid-19.

And though there was a need to continue certain standard operating procedures (SOP) to curb the spread of the virus, the transition saw gradual relaxations in restrictions being implemented throughout the year.

Among the relaxations that were announced were the reopening of the country's borders, the gradual lifting of the use of face masks, and the non-compulsory scanning of the



MySejahtera QR code when entering premises.

The wearing of face masks was no longer mandatory outdoors from May 1 as well as indoors later on Sept 7, but this was at each individual's discretion.

Later on Sept 28, it was announced that travellers were no longer required to wear face masks on airplanes.

The wearing of face masks on public transport had been made

compulsory since Aug 1, 2020.

Though the transition saw people returning to their pre-pandemic lives, there are still many who practise self-discipline as they continue putting on face masks—a new norm since Covid-19 swept across the world in 2020.

When state elections were held during this period, several SOP were introduced for Covid-19-positive voters, including the provision of a special room or lane for

them, but during the recent 15th General Election on Nov 19, the government decided that these measures were no longer necessary.

Instead, Covid-19-positive individuals were only required to wear a face mask and inform election workers at the polling centres about their health status.

Meanwhile, the seven-day quarantine period for Covid-19-positive individuals could also be reduced to

Mask on:
Although the wearing of face masks was no longer mandatory from Sept 7, many still wear it just to be cautious.

four days if their test result was found to be negative on the fourth day, and quarantine was no longer required for close contacts of Covid-19-positive individuals.

In going through the transition phase, the government pursued its efforts to contain the spread of Covid-19.

In fact, the main protection against the virus—vaccination and booster doses continued to be given free to all Malaysians.

On Sept 14, World Health Organisation director-general Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, in a virtual press conference from Geneva, Switzerland, said the Covid-19 pandemic that had been going on since January 2020 was getting closer to the finish line.

However, Malaysia was reported to be facing a small wave of Covid-19 cases following the discovery of the Omicron XBB sub-variant in the country on Oct 31.

As of Dec 22, the cumulative Covid-19 cases in the country stood at 5,021,242 while in 2022, a record 33,406 new daily cases were reported on March 5. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ministry stepping up Covid preparedness: Health DG

KUALA LUMPUR: The Health Ministry will continue to step up its preparedness to face a possible hike in the number of daily Covid-19 cases and deaths following the surge of infections in China.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said among the measures to be taken was to increase the percentage of booster dose uptake to reduce the severity of infections and risk of death.

"The ministry is urging all eligible individuals to take their booster dose of the vaccine to get optimal protection against Covid-19," he said yesterday.

The rising number of cases in China was reported by the World Health Organisation on Dec 21.

The ministry will also strengthen the country's Covid management by improving the

automated Find, Test, Trace, Isolate, and Support approach, he said.

Through the approach, individuals who tested positive after conducting Covid-19 self-tests can report the results via the MySejahtera app where they will be given a home surveillance order and release order digitally.

Noor Hisham said the ministry would also ensure that all Covid-19 Assessment Centres (CAC) were ready to receive a high number of patients.

The CAC's operational functions include identifying patients who are suitable for home quarantine, as well as evaluating and monitoring a patient's progress throughout the isolation period.

The CAC will also start Paxlovid (nirmatrelvir or ritonavir) treatment for high-risk patients,

identify and coordinate patients who need to be referred to hospitals, as well as assess and discharge positive cases whose isolation period has expired.

Noor Hisham said the ministry had also introduced Paxlovid to the Covid-19 Clinical Care Pathway since April 15 to treat patients with mild to moderate symptoms or categories two and three with priority given to high-risk patients.

He added that the ministry would closely monitor the spread of the infection in the community through the implementation of surveillance activities involving sentinel locations of influenza-like-illness and severe acute respiratory infection nationwide.

The public is advised to practise Test, Report, Isolate, Inform and Seek to prevent the spread of Covid-19 and other diseases. — Bernama

Relief as 2022 draws to close

KUALA LUMPUR: Many have described the year 2022 as a new chapter for Malaysia when the country entered the transition to the Covid-19 endemic phase on April 1 after battling the virus outbreak for two years.

Like many other countries, Malaysia decided to ease its restriction measures on Covid-19.

Although there was a need to continue certain standard operating procedures to curb the spread of the virus, the transition saw gradual relaxation of restrictions being implemented throughout the year.

Among the relaxation that were announced were the reopening of the country's borders, gradually lifting the compulsory use of face masks, and scanning of the MySejahtera QR code was no longer required when entering premises.

Wearing of face masks was no longer mandatory outdoors from May 1. Wearing masks indoors was not required from Sept 7, but the public has the option to wear one if desired.

On Sept 28, travellers were no longer required to wear face masks when on airplanes. It was made compulsory to wear face masks on public transport since Aug 1, 2020.

The seven-day quarantine period for Covid-19 positive individuals was also reduced to four days if test showed negative result.

Quarantine was also no longer required for close contacts of Covid positive individuals.

The government continues to pursue its efforts to contain the spread of the virus during the transition phase.

Vaccination and booster doses continued to be given free to all Malaysians. — Bernama